

15/04/1997

Masyarakat tagih kecemerlangan guru

Ramlan Abd Wahab

SELEPAS Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat kenyataan bahawa "... yang bersalah bukannya sistem, tetapi sikap guru ..." Selepas itu banyakkah pihak yang semakin ghairah menuding jari kepada guru.

Apa yang pasti, menurut Ivor Morrish (The Sociology of Education, 1978), "... seseorang guru perlu secara sedar memikirkan semula tujuan dan objektif pengajarannya dan juga cara terbaik merealisasikannya. Dalam konteks pelajar dan aktivitinya, guru bukan saja mesti bertindak sebagai pemberi ilmu dan kemahiran, tetapi sebagai penganalisis dan pihak yang memberi pengesahan. Demikian jugalah dalam konteks harapan ibu bapa/penjaga dan masyarakat. Tugas guru menjadi semakin sukar kerana aspek perkhidmatannya berkait rapat dengan personaliti dan hubungan kemanusiaan, oleh itu ia semakin terperangkap dalam jaringan hubungan yang kian rumit di antara pelajar, ibu bapa/penjaga, pemimpin, ketua organisasinya, penasihat, penyelia, nazir, dan sebagainya. Pada masa yang sama, seseorang guru itu juga wajib menitikberatkan tanggungjawabnya sebagai pengantara pengetahuan dan budaya, pengembang pelbagai kemahiran."

Tetapi adilkah menuntut kecemerlangan daripada guru yang bahunya dibebani pelbagai tuntutan dan matlamat, sedangkan dia tidak diberi sokongan dan kekuatan secukupnya? Adilkah menuntut yang terbaik daripada seseorang guru yang terumbang-ambing dalam arus deras reformasi orientasi, metodologi dan teknologi pendidikan, manakala produktiviti perkhidmatannya dinilai mengikut aspirasi semasa dan piawaian matlamat yang sewenang-wenang?

Daripada perspektif lain, apakah tidak wajar ibu bapa dan masyarakat mahukan yang cemerlang dan terbaik untuk anak mereka? Apakah tidak adil apabila ibu bapa dan masyarakat mempertikaikan kewibawaan, keberkesanan dan komitmen guru berdasarkan prestasi akademik dan ciri kemanusiaan anak mereka yang kian merosot? Apakah keterlaluan jika ibu bapa dan masyarakat mempertikaikan sikap, kecekapan dan kemahiran guru sebagai tenaga profesional dalam pelaksanaan dasar dan perancangan pendidikan?

Memperdebat jawapan persoalan di atas berdasarkan kepentingan peribadi atau golongan dan dengan tujuan meletakkan kesalahan kepada orang lain, tentu tidak menghasilkan kesepakatan konkrit dan pragmatik.

Mungkin yang paling penting ialah semua pihak, sama ada guru dan pemimpin serta pengurus pendidikan, mahu pun ibu bapa dan masyarakat menilai semula persepsi masing-masing mengenai pendidikan. Tanggapan yang sempit hanya akan menyebabkan konflik kepentingan dan matlamat yang berterusan, di samping menyuburkan lagi sikap mengkhususkan tanggungjawab sehingga jurang pemisah di antara pelaksana, pengurus dan pemimpin pendidikan, pemimpin politik, ibu dan masyarakat semakin melebar. Inilah senario masa kini kerana ramai yang menanggapi pendidikan adalah semata-mata proses perkembangan kognitif. Apabila guru mempunyai persepsi sedemikian, maka mereka sudah pasti akan menumpukan usahanya ke arah meningkat prestasi akademik murid atau pelajarnya. Begitulah juga, apabila ibu bapa dan masyarakat menanggapi pendidikan adalah proses untuk mencerdikkan anak, maka kegagalan anak pastilah disebabkan kegagalan guru pelaksana pendidikan itu.

Dengan demikian, tentulah tiada pihak yang akan mengaku bertanggungjawab atau yang wajar dipersalahkan, jika murid atau pelajar gagal menjadi warga yang berbudi pekerti mulia dan mempunyai nilai murni kemanusiaan. Apatah lagi apabila guru mengkhususkan tanggungjawab mereka kepada mempertingkatkan

pencapaian akademik murid atau pelajarnya, hasil persepsi sempit mengenai pendidikan dan kerana aspek itulah yang dituntut oleh ibu bapa dan masyarakat. Realiti ini tidak mudah dinafikan, kerana ternyata, apabila pencapaian akademik sesebuah sekolah itu rendah, ibu bapa bukan saja akan melemparkan tuduhan sewenang-wenang, malah dengan seberapa daya memindahkan anak mereka ke sekolah lain. Maka wujudlah sekolah elit dan bukan elit atau sekolah pilihan dan bukan pilihan.

Peningkatan kelulusan dalam peperiksaan awam, sama ada dari segi kuantiti mahu pun kualiti, diiringi juga peningkatan kes jenayah remaja dan gejala sosial. Jadi jika pendidikan sekadar proses peningkatan kognitif yang bercirikan peningkatan akademik, guru dan ibu bapa serta masyarakat tidak patut menyalahkan satu sama lain. Daripada perspektif tanggapan sempit itu, guru menjalankan tugasnya sebagai pelaksana pendidikan dan ibu bapa menunaikan tanggungjawab dengan memberi peluang pendidikan kepada anak mereka. Oleh itu, tentulah ada sesuatu yang tidak sarwajagat pada tanggapan mengenai pendidikan.

Daniel Goleman, dalam bukunya, *Emotional Intelligence* (1996) memetik kata-kata Howard Gardner, seorang pakar psikologi di Harvard School of Education, seperti berikut: "Masanya sudah tiba supaya kita meluaskan tanggapan mengenai kepelbagaian potensi dan bakat. Satu-satunya sumbangan pendidikan paling penting kepada perkembangan seseorang kanak-kanak ialah membimbing dan membantu mereka memasuki dan menceburi bidang paling serasi dengan potensi dan bakat dan mereka akan berasa selesa serta yakin. Aspek inilah yang seluruhnya kita abaikan. Sebaliknya kita memastikan setiap individu menerima pendidikan dan jika individu itu berjaya, dia akan lebih sesuai untuk menjadi seorang pensyarah di institusi pendidikan juga. Dan setiap murid atau pelajar kita nilai berdasarkan piawai kejayaan yang sempit. Kita sepatutnya mengurangkan masa menentukan tahap pencapaian pelajar, sebaliknya menumpukan lebih masa dan tenaga untuk membantu mereka mengenal pasti dan mengembangkan bakat dan kelebihan semula jadi masing-masing. Ada beratus cara untuk berjaya dan ada pelbagai jenis kebolehan yang boleh mendorong seseorang mencapai kejayaan itu."

Dalam bukunya *Frames of Mind* (1983), Gardner menyatakan bukan hanya ada sejenis intelektual yang monolitik dan penting untuk kejayaan dalam kehidupan, tetapi suatu spektrum intelektual yang luas dan merangkumi sekurang-kurangnya tujuh kepelbagaian atau domain. Antara kepelbagaian itu, Gardner menyenaraikan dua jenis intelektual akademik yang piawai iaitu kepintaran logik matematik dan lisan. Gardner juga menyenaraikan intelektual berikut, iaitu intelektual yang berkaitan keupayaan menguasai dan memanipulasi ruang seperti kepintaran yang dipamerkan pelukis dan jurubina ternama; kegeniusan kinestetik seperti yang dipaparkan dalam kegemalaian dan kelincahan gerakan fizikal dan intelektual muzikal. Tiga lagi domain intelektual yang dikemukakannya ialah intelektual peribadi; intelektual interpersonal seperti yang dipunyai oleh pakar terapi dan pemimpin ternama; kepintaran intrapsikik yang mungkin muncul sebagai wawasan bijaksana atau kepuasan dalaman daripada usaha menyesuaikan kehidupan dengan perasaan peribadi sebenar.

Dengan perspektif kepelbagaian intelektual ini, Gardner secara tersirat mencadangkan suatu modul pendidikan yang lebih menyeluruh dari segi pembangunan kemanusiaan, iaitu suatu modul yang bukan semata-mata berteraskan peningkatan kognitif. Bagi Gardner, ketaksuban keterlaluan kepada piawai penilaian kognitif, adalah sesuatu yang tidak wajar, malah suatu penyelewengan kerana pendidikan mesti ditangani sebagai proses pembijaksanaan keinsanan, bukan sekadar membantu seseorang menjadi ahli akademik. Ujian kecerdasan, seperti ujian IQ, menurut Gardner hanyalah mengkategorikan individu kepada kumpulan yang pandai dan lemah, serta menanamkan kepercayaan tahap kecerdasan adalah sesuatu yang diwarisi,

iaitu suatu kepercayaan negatif dan destruktif.

Keputusan yang diperolehi seseorang daripada ujian IQ, menurut Gardner, bukanlah mutlak sebagai isyarat kejayaan seseorang dalam kehidupannya. Seseorang yang mempunyai IQ tinggi tidak semestinya menjadi seseorang yang cemerlang, kerana realiti kehidupan bukan realiti akademik semata-mata. IQ yang tinggi juga bukanlah instrumen terbaik membuat pilihan di antara pelbagai bidang kerjaya, kerana setiap bidang memerlukan kelebihan bukan akademik yang tidak ditunjukkan oleh keputusan ujian IQ.

Persepsi Gardner mengenai kepelbagaian intelektual sepatutnya dijadikan asas pelaksanaan dan orientasi pendidikan.

Ia patut mendapat sambutan daripada pakar pelaksana dan penyelidikan pendidikan. Ramai sarjana pendidikan yang melakukan pelbagai penyelidikan dan kajian terperinci, sehingga menghasilkan konsep intelektual emosi yang kian popular.

Pelopor konsep ini seperti Peter Salovey dan Robert Sternberg, menegaskan untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan, seseorang perlu berkemahiran mengawal emosi secara matang.

(END)